

Luar bandar diberi tumpuan rapatkan jurang

BH- 17/11/2007

Teras 4

MEMBANGUNKAN infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar adalah antara empat fokus Kementerian Pelajaran bagi merapatkan jurang pendidikan yang menjadi teras keempat Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010.

Strategi pelaksanaan fokus itu membabitkan empat pelan tindakan yang merangkumi usaha menambah baik program pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak, menambah baik sekolah kurang murid (SKM), merapatkan jurang pencapaian akademik dan jurang digital.

Melalui pelaksanaan program pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak, lebih banyak infrastruktur dan kemudahan asas akan disediakan termasuk bekalan elektrik dan air ke sekolah terbabit.

Selain itu, pelaksanaan sekolah pusat yang bertujuan memperluas dan mewujudkan norma baru untuk guru adalah antara tiga pelan tindakan bagi menambah baik SKM.

Fokus seterusnya meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran dengan empat strategi pelaksanaan iaitu penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), pengurangan ka-

| Penyediaan Infrastruktur dalam RMK-9 bagi Merapatkan Jurang Pendidikan | | | | | | | |
|--|---------------------------|------------|------------|------------|-----------|---------------|----------------------|
| Merapatkan Jurang Pendidikan | Anggaran Bilangan Projek* | | | | | Jumlah Projek | Jumlah Kos |
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | | |
| Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Minimum | | | | | | | |
| Bekalan air | 193 | - | - | - | - | 193 | 48,250,000 |
| Bekalan elektrik | 167 | 98 | - | - | - | 265 | 32,060,000 |
| Bilik darjah | - | 706 | - | - | - | 706 | 259,120,000 |
| Rumah guru | 393 | 20 | - | - | - | 413 | 119,770,000 |
| JUMLAH | 753 | 824 | | | | 1,577 | 459,200,000 |
| Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Minimum | | | | | | | |
| Bekalan elektrik | 399 | - | - | - | - | 399 | 48,210,000 |
| Sekolah Rendah L/B | 21 | 46 | 29 | - | - | 96 | 553,120,000 |
| Sekolah Menengah L/B | - | 1 | 2 | - | - | 3 | 35,000,000 |
| Asrama Sekolah Harian | 6 | - | 1 | - | - | 7 | 49,000,000 |
| Rumah guru | - | 48 | - | - | - | 1 | 2,970,000 |
| JUMLAH | 426 | 48 | 32 | | | 506 | 688,300,000 |
| Projek Pengkomputeran bagi P&P | | | | | | | |
| | 3 | 8 | - | - | - | 11 | 2,044,800,000 |
| Projek Tindakan Awal (KIA2M) | | | | | | | |
| Sekolah Rendah | 947 | 545 | 684 | 264 | - | 2,440 | 722,805,000 |
| Sekolah Menengah | 400 | 183 | 228 | 136 | - | 947 | 509,080,000 |
| Kemudahan SMT | 56 | - | - | - | - | 56 | 22,000,000 |
| Keperluan Khusus | - | - | - | - | - | 1 | 203,500,000 |
| JUMLAH | 1,403 | 728 | 912 | 400 | | 3,444 | 1,458,385,000 |
| Program Sekolah Harian | | | | | | | |
| Projek Baru | - | 19 | 92 | 6 | 4 | 121 | 552,830,000 |
| Projek tambahan | 1 | 15 | 55 | - | 2 | 73 | 278,477,000 |
| Projek Gantian | 3 | 33 | 83 | 2 | 6 | 127 | 528,593,000 |
| JUMLAH | 4 | 67 | 230 | 8 | 12 | 321 | 1,359,900,000 |

dar keciciran, pemantapan program pendidikan untuk pelajar kurang upaya, dan penyediaan pendidikan bagi pelajar mengikut keperluan.


Melalui strategi penguasaan 3M, kerajaan akan memperluaskan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid Tahun Satu, menambah baik Prog-

ram Pemulihan Khas Tahap Satu dan Program Gerak Gempur.

Di bawah fokus sama, kadar keciciran pelajar akan dikurangkan melalui pelan tindakan penguatkuasaan pendidikan wajib dan peluasan mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah menengah harian.

Selain itu, usaha membuka kelas khas bagi murid bermasalah pem-

Peratus Sekolah Kurang Murid mengikut Bilangan Murid



belajaran seperti autisme dan cacat adalah antara pelan tindakan bagi melaksanakan strategi pemantapan program pendidikan pelajar kurang upaya.

Seterusnya, strategi penyediaan pendidikan kepada pelajar mengikut keperluan pula akan dilaksanakan dengan mewujudkan Sekolah Seni, selain merintis program khusus untuk pelajar pintar dan berbakat.

Dalam usaha merapatkan jurang pendidikan, PIPP akan meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman.

Sehubungan itu, kementerian mewajibkan guru baru berkhidmat di kawasan pedalaman, selain menam-

bah baik insentif khusus kepada guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman, menyediakan asurans kepada guru yang berkhidmat di luar bandar serta rumah guru dan kemudahan asas sempurna.

Fokus terakhir ialah menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.

Bagi tujuan itu, kementerian akan memantapkan Sistem Maklumat Murid, memantau pelaksanaan program bantuan, menilai impak program secara berkala, mewujudkan Majlis Tindakan Pendidikan Daerah (MTPD) dan mengukuhkan kerjasama sektor awam dan swasta.